



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA MENYAMBUT BAIK BELANJAWAN 2023

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menerima baik Belanjawan 2023 Kerajaan Perpaduan yang melancarkan “Malaysia MADANI” dengan bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan demi membentuk sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum. Inisiatif-inisiatif Belanjawan 2023 yang telah dibentangkan adalah sejajar dengan kedudukan ekonomi Malaysia pada ketika ini yang berada di landasan yang kukuh walaupun diancam ketidakstabilan global.
2. Komitmen Kerajaan Perpaduan jelas dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Malaysia melalui pemerkasaan agenda pertumbuhan ekonomi negara.

Sektor Darat

3. Di atas dasar keprihatinan kepada golongan B40 yang menceburi aktiviti ekonomi gig seperti e-hailing dan p-hailing, MOT menyambut baik inisiatif untuk menanggung bayaran ujian memandu untuk **Lesen Memandu Motosikal Kelas B2 dan Lesen Memandu Vokasional (PSV)** untuk taksi, bas dan e-hailing.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

4. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan ketersediaan sistem pengangkutan awam untuk semua rakyat dengan menyediakan perkhidmatan yang mampu tanggung (*affordable*). Sehubungan dengan itu, di bawah Prasarana, Kerajaan akan **meneruskan inisiatif Pas Perjalanan Tanpa Had MY50** yang akan memberi manfaat kepada secara purata seramai 180 ribu pengguna sebulan.

5. Bagi memastikan manfaat yang sama turut dinikmati khususnya bagi perkhidmatan bas di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (Stage Bus Service Transformation, SBST atau “myBAS”), Kerajaan akan **memperkenalkan inisiatif Pas Perjalanan Tanpa Had (MyBAS50)** bermula di Johor Bharu secara rintis. MOT turut mengalu-alukan **peruntukan sebanyak RM150 juta untuk memperluaskan Program SBST** ke Kota Kinabalu, Kuching dan Melaka.

6. Selain itu, seperti yang disarankan, MOT akan mengkaji semula perincian projek MRT3 untuk mencapai nilai terbaik bagi mencari penjimatan bagi projek ini.

Sektor Udara

7. MOT menyambut komitmen Kerajaan dalam **meneruskan perkhidmatan RAS yang disediakan oleh MASwings dengan subsidi sebanyak RM209 juta**. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan sentiasa meneliti keperluan serta kesesuaian pembukaan laluan RAS yang baharu bagi kemudahan penduduk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

bandar dengan dunia luar. Selain itu, kemudahan *wheelchair ramp* di tujuh lapangan terbang Sabah dan Sarawak akan memberi manfaat kepada ribuan yang berkerusi roda yang menggunakan MASWings. Ini adalah selaras dengan fokus MOT untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang inklusif dan terbaik untuk golongan rentan.

8. Peningkatan keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang yang akan dilaksanakan oleh MAHB adalah sejajar dengan keputusan Kerajaan yang telah bersetuju secara prinsip dengan syarat-syarat material baharu perjanjian operasi (OA 2023) antara Kerajaan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi mengoperasi, mengurus, menyelenggara dan membangun 39 buah lapangan terbang dan padang terbang (*Short Take-Off and Landing Airports-STOLports*) di Malaysia untuk tempoh sehingga tahun 2069. Keputusan ini akan membolehkan syarikat tersebut merencana perancangan pembangunan jangka panjang yang lebih baik bagi semua lapangan terbang di bawah seliaannya, mengambil kira kepakaran dan pengalaman MAHB yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang memberangsangkan dalam bidang pengurusan lapangan terbang di Malaysia dan juga di luar negara.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

9. MOT mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk menyediakan **geran sepadan dengan usaha sama dengan MAHB dan syarikat penerbangan antarabangsa bagi menyediakan perkhidmatan penerbangan *charter***. Perkhidmatan penerbangan charter tersebut akan turut menyokong pertumbuhan penumpang di lapangan terbang-lapangan terbang dalam negara di samping merencanakan aktiviti pelancongan.

Sektor Maritim

10. Tumpuan yang diberikan bagi **menyokong projek pembangunan Pelabuhan Sanglang di Perlis** untuk mengendalikan kargo petroleum dan kargo pukal yang pasti akan memberi nilai tambah kepada ekonomi Perlis. Pembinaan struktur baharu hakisan pantai antara Kuala Sanglang, Perlis ke Kuala Jerlun Kubang Pasu, Kedah penting untuk meningkatkan kecekapan operasi pelabuhan ini kelak.

11. Bagi menyokong dan memperkukuhkan kedudukan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan hab utama untuk rantau Asia Tenggara, Kerajaan **mendukung cadangan pembangunan pelabuhan utama di Pulau Carey** oleh pihak swasta. Rancangan pembangunan ini penting bagi meningkatkan kapasiti pelabuhan untuk menampung keperluan pada masa hadapan dan menyediakan persekitaran *supply driven* kepada syarikat perkapalan dan industri hiliran perkhidmatan pelabuhan. Hal ini juga adalah bagi memastikan Pelabuhan Klang kekal relevan dan berdaya saing dengan pelabuhan-pelabuhan utama dunia.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

12. Berteraskan nilai-nilai MADANI, Belanjawan 2023 ini dilihat secara holistik menggariskan perancangan jitu dan tindakan berkesan serta peka dengan kesinambungan inisiatif keprihatinan Kerajaan demi memastikan tiada rakyat yang terpinggir. Dalam mengemudi cabaran ekonomi negara yang kian mencabar, MOT akan terus memastikan pengangkutan mampan menerajui nadi pembangunan negara.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

24 FEBRUARI 2023

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800- 887723

Faks +603 8892 0208

E-mel sua@mot.gov.my

unitkomunikasikorporat@mot.gov.my